

Tarikh: - - -

Pengurus

**Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)**  
(alamat cawangan)

Stamp

**SURAT INDEMNITI**

Tuan,

Atas persetujuan Alliance Bank Malaysia Berhad berhubung permohonan saya/kami untuk menerbitkan Jaminan Bank kepada:

- (i) Nama Benefisiari : .....  
(ii) Amaun : .....  
(iii) Tujuan : .....

Saya/Kami

dengan ini mengaku janji dan bersetuju:

- (a) untuk menanggung rugi Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") dan melindungi Bank sepenuhnya daripada dan terhadap segala tindakan, prosiding, caj, kos, tuntutan, permintaan, perbelanjaan atau kerugian yang mungkin dialami, ditanggung atau dihadapi oleh Bank yang timbul dalam apa cara sekalipun daripada Jaminan tersebut dan bukan disebabkan oleh prestasi Bank yang kurang memuaskan,  
(b) untuk melindungi Bank daripada segala akibat dan liabiliti yang timbul dalam apa cara sekalipun sekiranya Bank mempersetujui permintaan kami untuk mengundurkan tarikh penguatkuasaan Jaminan Bank. Seterusnya, saya/kami juga mengakui bahawa saya/kami tidak pernah mungkir sepanjang tempoh yang dibuat pengunduran tarikh tersebut dan bahawa penandatangan yang dibenarkan yang mengendalikan borang permohonan dan indemniti ini sentiasa ada sepanjang tempoh yang dibuat pengunduran tarikh tersebut."  
(c) bahawa sebarang permintaan atau tuntutan untuk pembayaran wang yang dibuat kepada Bank oleh benefisiari adalah memadai bagi Bank untuk membuat pembayaran tersebut dan bahawa Bank tidak perlu membuat pertanyaan bagi menentukan sama ada tuntutan tersebut dibuat dengan sewajarnya. Di samping itu, sebarang tuntutan oleh benefisiari tidak boleh dipertikaikan dan kami tidak akan mempertikaikan kesahihannya dalam apa cara atau mengeluarkan sebarang arahan kepada Bank atas apa juga sebab untuk menangguhkan pembayaran bagi sebarang tuntutan tersebut,  
(d) bahawa pembayaran oleh Bank bagi sebarang jumlah menurut permintaan atau tuntutan yang dibuat oleh benefisiari tersebut adalah memadai untuk membuktikan liabiliti saya/kami kepada Bank dalam jumlah tersebut,  
(e) bahawa Bank dengan ini diberi kebenaran untuk mendebit amaun bagi sebarang pembayaran yang dibuat oleh Bank di bawah atau berhubung dengan Jaminan tersebut daripada akaun atau akaun-akaun saya/kami di mana-mana cawangan Bank. Sekiranya pada masa material saya/kami tidak mempunyai sebarang akaun dengan Bank atau akaun saya/kami dengan Bank tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar balik Bank bagi pembayaran tersebut; saya/kami akan membayar kepada Bank keseluruhan jumlah atau perbezaan jumlah tersebut sebaik sahaja selepas menerima permintaan dari Bank untuk berbuat demikian,  
(f) sekiranya Surat Indemniti ini adalah berkait dengan penerbitan Bon Bida atau Jaminan Tender, adalah difahami dengan jelas bahawa komitmen Bank adalah terhad kepada terma Bon Bida atau Jaminan Tender yang dipohon sahaja. Bank hanya akan terikat dengan terma tersebut; dan tiada obligasi lain, khususnya dalam perkara pembiayaan, boleh disimpulkan daripada penerbitan Bon Bida atau Jaminan Tender yang yang diminta,

Surat Indemniti ini akan berkuat kuasa dan kekal sah:

- (a) sehingga Bank dibebaskan dan dilepaskan daripada obligasinya di bawah Jaminan ini,  
(b) tanpa mengira sebarang pengaturan antara bank, benefisiari dan kontraktor untuk melanjutkan tempoh liabiliti di bawah Jaminan tersebut.

Saya/Kami mengaku janji untuk menanggung segala caj, komisen dan/atau faedah semasa atau akan datang yang akan dikenakan oleh Bank berhubung dengan Jaminan tersebut dan saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit amaun bagi caj, komisen dan/atau faedah tersebut daripada akaun atau akaun-akaun saya/kami.

Saya/Kami mengaku janji untuk memulangkan Jaminan yang asal kepada Bank bagi tujuan pembatalan selepas tarikh luput.

Yang benar,

.....  
(Penandatangan yang Dibenarkan & Cap Syarikat)

Nama/Syarikat:

Alamat : .....